



# **KERTAS KERJA**

# **10**

**Budaya Perniagaan dan Perdagangan dalam Peradaban Melayu:  
Satu Kajian Ke Atas Budaya Keusahawanan  
Di Kalangan Masyarakat Melayu Silam dan Sejahteraan  
Kesinambungannya dengan Budaya Keusahawanan  
Melayu Hari Ini**

Mohd Koharuddin Mohd Balwi dan Mohd Azhar Abd. Hamid  
Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia,  
Universiti Teknologi Malaysia

### **1.0 Pendahuluan**

Sesuatu yang penting untuk diperkatakan pada masa ini ialah tentang persoalan adakah budaya niaga atau budaya keusahawanan pernah menjadi budaya masyarakat Melayu atau ia merupakan satu budaya baru yang hingga kini cuba ditanamkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Hinggakan kadang-kadang terdengar kata-kata yang kelihatannya menggambarkan seolah-olah orang Melayu tidak mempunyai kepintaran dan kebolehan berniaga kerana tidak memiliki satu budaya niaga yang kuat dan berjaya yang menjadi tradisi nenek moyangnya. Lantaran itu peniaga dan pedagang Melayu sering dimomok dengan kata-kata negatif yang membelakangkan kebolehan dan kepintaran mereka dalam bidang perniagaan apatah lagi perdagangan antarabangsa. Tuduhan seperti ini memang begitu mudah untuk dilemparkan dan kemudiannya diterima pula hingga membina kepercayaan di kalangan masyarakat umum seolah-olah ia sesuatu yang benar. Persoalannya adakah tanggapan-tanggapan ini benar atau ia dibuat secara membabi buta tanpa sebarang pembuktian dan penyelidikan.

Lantaran untuk menjawab persoalan inilah, penulis terpenggil untuk membuat penyelidikan awal tentang budaya niaga di kalangan orang Melayu ini. Tentu sekali dalam usaha untuk mengkaji wujud tidaknya budaya niaga di kalangan orang Melayu korpus penelitian yang paling sesuai dan bernilai ialah segala hasil pemikiran orang

korpus penelitian yang paling sesuai dan bernilai ialah segala hasil pemikiran orang Melayu yang pernah dicatatkan sama ada dalam bentuk penulisan atau tercatat dalam lipatan memori masyarakatnya yang masih ada. Kedua-dua korpus ini disebut juga sebagai tradisi tulisan dan tradisi lisan Melayu. Tradisi tulisannya lebih dimiliki oleh masyarakat istana sebaliknya tradisi lisan dikongsi oleh masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Melalui penelitian kepada dua tradisi inilah penerokaan ke atas budaya niaga Melayu diselusuri untuk memaparkan realiti yang pernah berlaku dalam masyarakat Melayu. Lantaran itu beberapa *karya agung* seperti Hikayat Raja Pasai, Sulalatus Salatin, Hikayat Merung Mahawangsa, Tuhfat al Nafis, Bustanul Salatin, digunakan penulis bersama teks-teks dari tradisi lisan Melayu sebagai korpus kajian. Segala tulisan ini kemudiannya akan dibandingkan dengan pandangan sarjana-sarjana yang pernah membuat kajian ke atas teks ini dan juga ke atas budaya niaga Melayu. Kertas ini juga kemudiannya akan menilai sejauhmana pencapaian orang Melayu dalam bidang perniagaan selepas merdeka terutama selepas dasar ekonomi baru dilancarkan dan pencapaian orang Melayu pada alaf baru ini.

## **2.0 Kemunculan tradisi niaga Melayu peringkat awal.**

Tradisi niaga di kalangan masyarakat Melayu paling awal ditemui wujud sejak zaman pra sejarah terutama semasa zaman mesolitik iaitu zaman batu pertengahan. Melalui kajian arkeologi beberapa sarjana telah menemui beberapa bahan yang pernah digunakan masyarakat ketika itu yang menjadi barangan utama untuk aktiviti perdagangan awal ketika itu. Pada zaman Hoabinhian mereka yang tinggal di kawasan terbuka khususnya di tebing-tebing sungai dan pesisiran pantai, telah tahu berniaga dalam ertikata yang mudah iaitu secara tukar barang. Kemunculan kebolehan ini banyak dikaitkan dengan kemunculan kebolehan membina perahu. Berikutan dari itu masyarakat zaman ini telah bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan menyusur sungai atau pantai. Secara langsung membuka peluang untuk kewujudan perdagangan primitif atau peringkat awal. Pada tahap ini perdagangan adalah dalam bentuk sistem tukar barang. Sistem ini menjadi asas kepada perdagangan yang lebih maju pada tahap Neolitik kemudiannya. (Nik Hassan Shuhami bin Nik Abdul Rahman, 1992)

Masyarakat zaman Neolitik ini dipercayai telah mampu membina perahu yang lebih baik berbanding zaman sebelumnya bagi membolehkan mereka belayar ke tempat yang lebih jauh. Perkembangan dalam pembinaan perahu yang lebih baik ini dan pengetahuan tentang mencipta layar dan pertambahan ilmu pelayaran bukan sahaja berkembang di kawasan ini sahaja sebaliknya berkembang juga di kalangan masyarakat zaman itu di seluruh alam Melayu. Lantaran itu sejak lebih kurang 4000 tahun lalu telah berkembang aktiviti perdagangan antara masyarakat pesisiran di alam Melayu ini.

Dari zaman inilah kemudiannya tradisi perdagangan itu makin menjadi bertambah rancak pada zaman-zaman kemudiannya. Bukti wujudnya aktiviti perdagangan yang mula pesat ini ialah penemuan berbagai jenis perkakas tembikar tanah dan alat-alat batu yang memiliki buatan yang cantik dan memiliki corak hiasan. Antaranya pelbagai jenis tembikar tanah seperti mangkuk berkaki, perkakas berbentuk timba, mangkuk berbahu, kaki periuk belanga dan bekas yang permukaannya berbentuk loceng yang berhias dengan hiasan seperti dicakar atau dilorek (Nik Hassan Shuhami bin Nik Abdul Rahman, 1992).

Melalui bukti arkeologi ini kelihatannya keupayaan perdagangan dan perniagaan Melayu dipacu oleh keupayaan pembuatan perahu yang kemudiannya berkembang menjadi perahu yang lebih kuat, besar dan cantik iaitu yang dipanggil perahu besar, kapal dan jong. Dalam karya agung *Tuhfat al-Nafis Sejarah Melayu-Islam* misalnya istilah perahu besar dan perahu dagang digunakan untuk menggambarkan kewujudan sebuah kapal perdagangan. Misalnya ;

*'dagang-dagangannya kepada perahu besarnya itu kerana perahu besarnya itu tinggal di Pangkalan Salih'* (Virginia Matheson Hooker, 1991).

*'Perahu-perahu perdagangan pun sudah sesak di dalam sungai Riau itu'*.(Virginia Matheson Hooker, 1991)

*adil dan murah pada segala dagang, senteri, rakyat, bala sekalian. Maka sekalian mereka itupun memuji-muji akan dia, banyaklah datang segala mereka berniaga dari sebulan kepada sebulan makin bertambah-tambah ramainya serta banyak orang datang ke negeri itu'. (Siti Hawa Saleh, 1970)*

*'Maka kota kedua buah itu pun makin ramai orangnya tiada berputus segala dagang senteri pergi datang'. (Siti Hawa Saleh, 1970)*

*'Maka banyaklah orang berhimpun datang berniaga ke negeri Kedah itu, tiadalah berputusan lagi pergi datangnya'. (Siti Hawa Saleh, 1970)*

*Maka negeri itu daripada sebulan kepada sebulan, daripada setahun kepada setahun, maka bertambah ramainya serta dengan banyak segala dagang senteri daripada segenap negeri berniaga dan pindah ke negeri itu. (Siti Hawa Saleh, 1970)*

Dalam Tuhfat al Nafis gambaran yang sama dipaparkan, dengan gambaran kewujudan kerajaan yang menjadi pusat tumpuan pedagang dan peniaga dari seluruh rantau alam Melayu dan dunia. Malahan gambaran bagi kerajaan Riau ini lebih mendalam kerana tidak sahaja digambarkan wujudnya pusat perdagangan di pelabuhan Riau tetapi kewujudan saudagar-saudagar Melayu Riau sendiri yang terlibat dalam perdagangan dan perniagaan :

*'Syahadan kata sahid al-hikayat pada masa inilah negeri Riau itu ramai serta dengan makmurnya dan segala dagang daripada negeri yang jauh-jauh pun datanglah dan beberapa kapal dari Benggal membawa apiun dan lain dagangan dan perahu-perahu*

*dagang pun di Kuala Riau daripada kapal-kapal dan keci-keci dan selup dan senat dan wang kang dan top siam. Dan apalagi didalam sungai Riau segala perahu-perahu perantau seperti bercocok ikanlah bersambung berpendarat. (Virginia,1991: 263)*

*'Maka negeri Riau pun ramailah dan segala perahu-perahu dagang pun datanglah kepada pihak Barat dan Timur dan Wang Kang pun masuklah berniaga berlawanan dengan dagang-dagangan yang dari sebelah Timur itu. Maka perahu Teluk rantau pun datanglah membawa dagangan telah teluk rantau penuh sesaklah bercocok ikan dari kuala hingga ke kampung cina dan kapal-kapal keci pun datanglah lima enam buah. Maka amanlah Riau pada masa itu serta banyaklah mendapat hasil-hasil negeri adanya.(Virginia, 1991:310 )*

#### **4.0 Kewujudan masyarakat perdagangan dan perniagaan Melayu tradisi**

Masyarakat perdagangan dan perniagaan Melayu telah pun wujud seawal kewujudan ketamadunan alam Melayu ini sendiri. Sebagaimana yang pernah diterangkan di awal tadi, kewujudan kelas peniaga profesional Melayu telah pun muncul bagi setiap pusat perdagangan Melayu. Sama ada di Srivijaya, Melaka, Pasai, Riau, Sumatera dan seumpamanya telah terlibat dalam perdagangan. Kelas perdagangan profesional ini terdiri tidak sahaja dari kerabat diraja tetapi juga terdiri dari orang kebanyakan.

#### **4.1 Pedagang dan Peniaga Melayu**

Pedagang-pedagang Melayu melibatkan diri dengan aktif dalam kegiatan perdagangan yang sangat menguntungkan itu. Mereka itu bukan sahaja terdiri daripada pembesar-pembesar negara malah juga orang biasa turut mengambil bahagian. (Muhd. Yusof bin Ibrahim , 1992.) Di samping menjadi pemborong dan pengimport barang-barang dari luar dan dalam negeri, mereka juga menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan yang diperlukan oleh pedagang-pedagang dari luar negeri. Umpamanya

pedagang Melayu Melaka memberikan perkhidmatan dalam menyediakan gudang untuk disewakan bagi menyimpan barang dagangan. Mereka juga menyediakan tempat penginapan bagi pedagang yang menginap di Melaka untuk menguruskan perdagangan mereka. Mereka juga menyediakan perkhidmatan mahir seperti memperbaiki kapal, jahit menjahit dan bungkus membungkus. Selain itu mereka juga bekerja sebagai kakitangan dan buruh di pelabuhan Melaka yang sentiasa sibuk itu. Terdapat juga antara mereka yang membuka kedai runcit dan gerai. (Muhd. Yusof bin Ibrahim , 1992.) Ramai pula di antara mereka yang mengendalikan kedai runcit dan gerai itu terdiri daripada kaum wanita. (Muhd. Yusof bin Ibrahim , 1992.) Kaum wanita juga turut memainkan peranan yang aktif dalam kegiatan perdagangan di Melaka.

Dalam Tuhfat al Nafis penglibatan kerabat diraja dalam bidang perdagangan ini telah ditunjukkan melalui watak Gusti Jamaril seorang kerabat raja dari Jawa yang datang berdagang ke Riau ;

*'Maka bermohonlah Gusti Jamaril itu kepada ayahanda Pangeran Emas Seri Negara hendak mudik ke Hulu membawa dagang-dagangan yang dari Betawi itu... Syahadat mudiklah Gusti Jamaril itu ke hulu Mempawah lalu ke Pangkalan Salih. Maka turunlah segala kepala-kepala Dayak serta anak-anak buahnya membeli dagangan itu. (Virginia, 1991 : 231)*

*Kemudian maka Gusti Jamaril pun bermohonlah hendak mudik ke Pangkalan Salih hendak melihat dagang-dagangannya kepada perahu besarnya itu kerana perahu besarnya itu tinggal di Pangkalan Salih. (Virginia, 1991: 232)*

Dalam Salalatus Salatin (Sejarah Melayu) terdapatnya peniaga Melayu dari keturunan bangsawan yang memiliki kapal dagangan dan berdagang hingga ke India. Pedagang ini ialah Hang Isak, yang sering berdagang antara Melaka dan India. Malahan

dalam Salalatus Salatin ini digambarkan betapa ramai sekali orang Melayu Melaka yang berdagang seperti Hang Isak itu;

*'Maka Hang Nadim pun naik kapal Hang Isak kerana orang Melaka pada masa itu, rata-rata berkapal segala yang bermodal.'*

(A. Samad Ahmad, 1979 : 204)

Keterlibatan golongan pembesar dalam bidang perniagaan juga digambarkan dalam Tuhfat al Nafis. Raja Jaafar dan saudaranya telah terlibat dalam perdagangan timah di Kelang.

*'Syahadan alkisah maka tersebutlah perkataan Raja Jaafar putera Almarhum Raja Haji fisabil Allah adik beradik di dalam negeri Kelang. Syahadan kata sahib al-hikayat apabila tetaplah Raja Jaafar itu saudara bersaudara di dalam Kelang itu maka dikeluarkannyalah timah-timah. Maka suruh-suruh menyuruhlah ia ke Melaka dan banyaklah saudagar-saudagar di Melaka sukakan Raja Jaafar itu kerana tolong menolong antara melakukan dagangan melakukan perniagaan antara kedua pihak'.*

(Virginia, 1991: 481)

#### **4.2 Orang Kiwi (Saudagar Melayu)**

Masyarakat Melayu juga memiliki golongan saudagar atau peniaga yang kaya dan berjaya yang terdiri dari rakyat kebanyakan yang digelar juga orang merdeheka. Di antara saudagar Melayu yang merdeheka ini terdapat di Melaka, mereka digelar Orang Kiwi. (Muhd Yusof Ibrahim, 1992 ) Mereka adalah pedagang atau peniaga yang sangat giat menjalankan perdagangan ataupun perniagaan. Kegiatan mereka bukan tertumpu di Melaka sahaja, malahan mereka pergi membawa barangan dagangan hingga ke India, China dan negeri-negeri di Gugusan Kepulauan Melayu. (Muhd Yusof Ibrahim, 1992) Mereka mempunyai kapal untuk berdagang. Kadangkala mereka menyewa kapal dari



pedagang lain untuk membawa barang dagangan mereka. Mereka juga berhubung baik dengan para pembesar Melayu. Mereka adalah orang awam yang bebas ataupun orang *merdeheka*. Mereka digelar demikian kerana kegiatan dan kejayaan mereka dalam perniagaan dan perdagangan. Dari itu ada yang berpendapat bahawa orang kiwi ini boleh dianggap sebagai golongan pertengahan dalam masyarakat Melaka yang giat berdagang ketika itu. (Muhd Yusof Ibrahim, 1992).

Golongan rakyat yang *merdeheka* yang menjadi peniaga ini telah dipaparkan dalam teks lisan Melayu melalui kata-kata '*segala dagang senteri*'. Segala dagang senteri ini merujuk kepada masyarakat pedagang dan peniaga Melayu dari alam Melayu ini sendiri yang akan berniaga di negeri-negeri yang memiliki pelabuhan yang baik dan menjadi tumpuan peniaga.

*'Maka banyaklah sekalian dagang senteri berhimpun masuk  
berniaga : penuh pelabuhan kuala negeri' (Pawang Ana, 1984)*

Dalam teks Merung Mahawangsa terdapat juga kata-kata dagang senteri yang merujuk kelompok peniaga Melayu di kala itu yang akan berdagang di pelabuhan Kedah. ;

*'Maka banyaklah dagang senteri datang ke kedai itu berjual beli  
segala dagangan'.* (Siti Hawa Salleh, 1970)

Ini menunjukkan kesinambungan bukti bahawa *dagang senteri* adalah juga merujuk kepada golongan pedagang Melayu yang aktif berniaga di negeri-negeri Maritim Melayu. Ia juga memaparkan aktiviti utama di alam Melayu ketika itu ialah perdagangan dan perniagaan.

Kewujudan kumpulan saudagar Melayu juga dibuktikan dengan adanya watak saudagar dalam Hikayat ini iaitu ;

*'Pergi pula pada suatu kedai seorang **saudagar** yang besar lagi pandai ia berniaga'.* (Siti Hawa Salleh, 1970)

*'Maka **saudagar** itupun adalah ia menaruh kati kecil suatu dan besar suatu dan menaruh cupak kecil besar. Maka **saudagar** itupun bertimbang dan bersukat dengan cupak yang besar dan menerima timbangan dengan kati yang besar. Dengan demikian juga orang dagang itu pun banyak kawannya. Kati kecil, kati besar, gantang kecil, gantang besar.* (Siti Hawa Salleh, 1970)

Golongan saudagar Melayu yang kaya banyak sekali di negeri-negeri Melayu yang maju dalam perdagangan seperti di Melaka dan Riau. Di Riau dikatakan terdapat ramai golongan peniaga yang kaya kerana berjaya dalam bidang perniagaan hingga memiliki beberapa gedung perniagaan dan kapal atau perahu dagang yang amat banyak sebagaimana digambarkan dalam Tuhfat al Nafis;

*'Syahadan kata sahib al-hikayat adalah pada masa Yang Di Pertuan Muda Raja Haji itu makin ramai dan bertambah ramai negeri Riau serta dengan makmurnya serta dengan orang-orang yang dalam Riau itu banyaklah orang kaya-kaya seperti Syed Hussain Aidit adalah ia diam di sungai Timun cukup dengan gedungnya serta dengan perahu-perahu tiang sambungnya pulang pergi ke Tanah Jawa berniaga'.* (Virginia, 1991)

Kekayaan dan keterlibatan peniaga Melayu dalam bidang perniagaan banyak dikaitkan dengan pemilikan modal yang besar sebagaimana ditunjukkan dalam petikan di atas seperti perahu dagang dan gedung perniagaan. Istilah lain yang digunakan bagi

menggambarkan modal ialah kedai. Dalam Sulalatus Salatin digambarkan bagaimana ramainya orang Melayu Melaka memiliki kapal dagang. Bukti aktiviti dagang orang Melayu telah dicatatkan sebagaimana dalam pelbagai sumber lain. Dokumen-dokumen Campa menyatakan bahawa telah berlakunya kedatangan kapal-kapal Melayu di pelabuhan Vijaya dan Panduranga di Indochina sebelum abad ke-15. (P.B. Lafont, 1995: 1134) Melalui sumber China kapal-kapal Melayu (orang Melayu) telah berdagang ke luar seperti ke Indochina, India dan China. (P.B. Lafont, 1995: 1134)

### **5.0 Peranan pemerintah (Raja Melayu) dalam kemunculan golongan pedagang dan peniaga Melayu**

Sokongan yang paling utama dalam kemunculan golongan pedagang Melayu ialah datangnya dari para raja Melayu sendiri. Para raja Melayu telah mewujudkan iklim perdagangan yang amat baik. Kewujudan jawatan Shahbandar-shahbandar yang merupakan pembesar negara yang mengkhusus dalam hal ehwal pelabuhan dan perniagaan serta perdagangan merupakan satu kebijaksanaan birokrasi pemerintah Melayu.

*'Di dalam Riau pun baraturlah orang besarnya daripada Syahbandar dan mata-mata melayani segala dagang-dagang serta memelihara orang-orang dagang dan penjajap beratus-ratus buah.'* (Virginia, 1991:327)

Sokongan para raja diungkapkan dengan penuh simbolik melalui kewujudan sebuah pemerintahan yang adil terutama dalam memerintah negeri. Dari itu dalam teks Melayu sama ada dalam karya-karya agung mahupun tradisi lisan seringkali digambarkan wujudnya hubungan antara keadilan raja dengan suasana maju dan berkembangnya aktiviti perdagangan. Konsep keadilan itu merangkumi kepada tidak sahaja peribadi raja yang memerintah tetapi juga struktur pemerintahan yang tersusun dan cekap terutama dalam pengendalian pelabuhan dan perniagaan. Keadaan ini dipaparkan dalam HMM melalui kewujudan pemerintahan *raja* memungkinkan negeri Kedah menjadi maju dan menjadi pusat perdagangan. Dalam masyarakat Melayu tradisional sesuatu kawasan atau petempatan hanya dianggap memiliki sistem pemerintahan sekiranya wujudnya raja yang

memerintah, dari itulah konsep ke-raja-an yang menggambarkan kewujudan struktur politik dan pentadbiran wujud dengan wujudnya institusi raja itu sendiri. Keadaan ini di paparkan dalam HMM ; apabila Raja Merong Mahawangsa menjadi raja, negeri Kedah pun berkembang dan menjadi tumpuan segala pedagang.

*'Maka termasyhurlah Raja Merong Mahawangsa itu sudah duduk menjadi raja pada tempat itu. Maka segala dagang senteripun berhimpunlah datang berniaga dalam negeri itu. (Siti Hawa Saleh, 1970)*

*Maka negeri itu daripada sebulan kepada sebulan, daripada setahun kepada setahun , maka bertambah ramainya serta dengan banyak segala dagang senteri daripada segenap negeri berniaga dan pindah ke negeri itu. (Siti Hawa Saleh, 1970)*

*Adapun Raja Merong Mahapudisat ...duduklah di atas takhta peninggalan ayahandanya di negeri Kedah Jamin Turan terlalu adil dan murah pada segala dagang, senteri, rakyat, bala sekalian. 'Maka sekalian mereka itupun memuji-muji akan dia, banyaklah datang segala mereka berniaga dari sebulan kepada sebulan makin bertambah-tambah ramainya serta banyak orang datang ke negeri itu'. (Siti Hawa Saleh, 1970)*

Keadaan ini selari dengan apa yang pernah dirakamkan dalam tradisi lisan Melayu sebagaimana digambarkan dalam teks Hikayat Terung Pipit. Dalam hikayat ini memaparkan hubungan secara langsung antara kebijaksanaan pemerintah yang diwakili oleh Raja Sulung dengan kemajuan Negeri Lindungan Bulan yang pesat dengan aktiviti perdagangan ;

*'Maka Raja Sulung pun kekallah memerintah negeri Lindungan Bulan serta dengan adil murahnya. Maka akan negeri Lindungan*

*Bulan pun makin bertambah ramainya, tiada berputusan segala perahu dagang masuk berniaga di dalam Lindungan Bulan'.*  
(Panglima Ali Mudin Bin Panglima Hasan, 1985)

## 6.0 Kedatangan kuasa barat dan Keruntuhan golongan pedagang dan peniaga Melayu

Kehebatan dan kecekapan masyarakat Melayu berdagang menyebabkan pedagang eropah sendiri sukar untuk bersaing dengan mereka ;

*'throughout the century, South and southeast Asian traders carried on and even increased in strength. They faced the challenge of the 17<sup>th</sup> century even better and thrive on competition. They were able to undersell European traders, crept into every nook and corner of the Asian trade and exploited it to the fullest. This was the great century of the inter-Asian trade with all regions showing increased turnovers. The rise successively of Aceh and Johor in the Straits of Melaka, the continuing and increased trade of Macassar, Grisek and Bantam, and the rise and fall of many micro coastal kingdoms of Sumatras correspond closely to the movement of the Southeast Asian link in the inter-Asian trade in its efforts to break the Dutch strangle-hold. By the 1680's both the English and the Dutch complaining bitterly that they could not compete against Asian traders who were flooding markets, underselling and moving about everywhere' (Shaharil Talib and Mohammad Raduan Mohd Ariff, 1997: 88)*

Akibat dari sukarnya masyarakat eropah untuk bersaing dengan pedagang dalam Melayu ini maka kemudiannya mereka telah bertindak menyerang dan merampas perdagangan di alam Melayu ini. Perdagangan rempah yang selama ini dikuasai oleh pedagang-pedagang Melayu dan Arab telah dirampas dengan menggunakan kekuatan ketenteraan. Lantaran itu pada 1511 kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang sedang

berkembang dan menjadi pusat perdagangan di alam Melayu ini diserang dan ditakluki oleh angkatan dari Portugis. Usaha penguasaan perdagangan ini juga dilakukan oleh kuasa eropah lain termasuklah British, Belanda, Perancis, German dan Amerika Syarikat. Akibatnya alam Melayu kemudiannya dibahagi-bahagikan kepada penguasaan pihak asing ini. Serangan juga dilakukan ke atas Kerajaan Riau oleh Belanda dan British.

Kesan tindakan pihak barat ini amatlah besar sekali kerana bermula dari detik inilah kemudiannya berlakunya usaha untuk menghapuskan kewujudan golongan saudagar Melayu. Usaha ini telah digambarkan dengan begitu jelas sekali dalam Tuhfat al Nafis. Akibatnya hingga kini kelas saudagar Melayu ini telah berjaya dihapuskan hinggakan negeri-negeri di alam Melayu ini ketandusan golongan pedagang dan peniaga pada hari ini. Keadaan ini tidak sahaja di alami di Malaysia tetapi juga di banyak negeri di alam Melayu ini seperti di Indonesia, Brunei dan Filipina. Sebaliknya yang menguasai ekonomi negeri-negeri itu terutama sebelum perang dunia kedua ialah golongan pemodal barat sepanjang penjajahan mereka di alam Melayu ini.

#### **7.0 Penjajahan dan kesannya kepada budaya niaga Melayu.**

Sebelum kedatangan pihak barat ke alam Melayu dan merampas kuasa ekonomi mereka, para pedagang atau peniaga Melayu telah pun berdagang semenjak kewujudan masyarakat Melayu di alam Melayu ini sendiri. Selama berabad-abad lamanya masyarakat ini telah membina budaya perdagangan dan perniagaan hingga alam Melayu ini dibanjiri oleh pelbagai pelabuhan yang sebahagian besar pelabuhan ini kemudiannya berkembang menjadi sebuah negeri yang besar hingga melahirkan pusat-pusat perdagangan serantau. Malahan kepintaran pemimpin Melayu bersama para pedagang Melayu dalam menyediakan iklim perdagangan yang baik telah menyemarakkan alam Melayu ini sebagai pusat perdagangan dan perniagaan dunia.

Pedagang Melayu juga berdagang dengan pedagang dari seluruh dunia termasuklah dari China, India, Arab dan Eropah. Melalui bukti yang telah dikemukakan tadi pedagang Melayu juga turut serta berdagang hingga ke India dan China. Mereka ini terdiri dari pedagang Melayu berketurunan rakyat kebanyakan atau merdeheka atau di

Melaka disebut Orang Kiwi dan juga pedagang Melayu berketurunan daripada kerabat raja dan golongan pembesar. Gabungan dua kelas ini menyumbang kelahiran kelas perdagangan dan perniagaan Melayu tradisional.

Bagaimanapun perkembangan sejarah kemudiannya telah memutarbalikkan segala kemasyhuran golongan pedagang Melayu ini. Kuasa Eropah telah merampas monopoli perdagangan Melayu di alam Melayu, mereka juga meruntuhkan kerajaan-kerajaan Melayu yang menjadi pusat perdagangan ketika itu. Hancurlah pemerintahan Melayu bermula dengan keruntuhan empayar Melayu Melaka dan keruntuhan Johor-Riau serta kerajaan Jawa seperti di Majapahit, Demak, Kesultanan Sulu dan kerajaan-kerajaan Melayu yang lain di alam Melayu. Keruntuhan ini ditandai oleh bermulanya era penjajahan selama beratus tahun di alam Melayu terutama selepas Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 yang membahagikan alam Melayu kepada Inggeris dan Belanda. Begitu juga di Filipina, kesultanan Sulu diruntuhkan dengan kehadiran kuasa Sepanyol ; IndoChina pula dikuasai oleh Perancis.

Hanya selepas Perang Dunia Kedua (1945) barulah masyarakat alam Melayu mendapat kebebasan mereka semula. Mereka kemudiannya membina negara berasaskan wilayah penguasaan bekas penjajah eropah masing-masing. Alam Melayu dipecah-pecahkan kepada beberapa negara kecil. Muncullah negara seperti Malaysia, Indonesia, Filipina, Vietnam, Kampuchea, Burma (kini Myanmar), Laos dan Thailand serta Brunei.

Dengan mengambil contoh Malaysia, masyarakat Melayu mula menjinakkan diri semula dalam bidang perdagangan dan perniagaan yang selama beberapa ratus tahun telah ditinggalkan. Semasa zaman penjajahan sebahagian besar masyarakat Melayu yang selama ini menekuni bidang perdagangan dan perniagaan telah beralih kepada bidang pertanian dan perikanan sahaja. Bagaimana pun selepas Malaysia mencapai kemerdekaan melalui Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970, bermulalah usaha untuk mewujudkan semula masyarakat perdagangan dan perniagaan Melayu. Usaha ini sebenarnya satu usaha yang amat besar dan penting serta amat perlu disokong sepenuhnya oleh masyarakat Melayu kerana ia tidak lain adalah usaha untuk mengembalikan semula

budaya kecemerlangan dan kejayaan masyarakat Melayu silam dalam perdagangan dan perniagaan. Sebagaimana pernah dicatatkan oleh Empayar Melayu dahulu yang terkenal tidak sahaja sebagai pusat perdagangan dunia tetapi juga memiliki golongan pedagang dan peniaga yang beriman, pintar, berani dan kaya raya.

## **8.0 Budaya Keusahawanan Melayu Pasca Merdeka.**

### **8.1 DEB dan kemunculan semula budaya keusahawanan Melayu.**

Dekad 70-an merupakan dekad penting dalam membina semula budaya perniagaan dan perdagangan di kalangan masyarakat Melayu. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah memberi harapan baru kepada golongan Melayu yang berminat dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Memetik kata-kata yang pernah diucapkan oleh Tunku Abdul Rahman (Just, Jack dan Rais, 2000);

*“Orang Melayu berkehendakkan bantuan bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Jadi, dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang pertama, kami bersetuju mengadakan rancangan pembangunan besar-besaran kerana penduduk kampung telah diabaikan secara menyeluruh oleh pihak Inggeris. Bagaimanapun, untuk berlaku adil jumlah keluasan tanah yang sama besar diberikan kepada komuniti-komuniti lain dengan pihak kerajaan memberikan bantuan kewangan dan kemudahan. Seterusnya kerajaan memberikan bantuan ekonomi dan kemudahan perniagaan kepada orang Melayu, walaupun pihak kerajaan terpaksa memberikan subsidi kerana orang Melayu berkehendakkan masa untuk belajar dalam bidang perdagangan dan perniagaan”.*

Setelah hampir 400 tahun budaya perniagaan dan perdagangan masyarakat Melayu berada dalam vakum, dekad 70-an merupakan tahun penting bermulanya lembaran baru ke arah melahirkan usahawan Melayu. Seperkara yang amat penting adalah salah satu daripada perkara yang terlibat dalam proses penyusunan semula masyarakat ialah pewujudan sebuah komuniti perniagaan dan perindustrian bukan sahaja di kalangan



penduduk Melayu tetapi juga di kalangan Bumiputera yang lain. Matlamat pemerintah ialah "...dalam masa dua puluh tahun, orang Melayu dan Bumiputera lain akan mengendali dan menguasai sekurang-kurangnya 30% daripada keseluruhan kegiatan perdagangan dan perindustrian dalam setiap kategori dan peringkat...". (Nor Aishah, 2002). Kerajaan telah memainkan beberapa peranan dalam memberikan galakan kepada usahawan untuk menjayakan aktiviti perniagaan mereka. Melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), beberapa usaha telah dibuat untuk mengembangkan skop perniagaan usahawan di Malaysia. Antara galakan yang diberikan oleh kerajaan meliputi:

- Penyediaan bangunan
- Perundingan perniagaan
- Latihan dan pengurusan
- Kemudahan infrastruktur dan ruang niaga
- Promosi dan pemasaran
- Galakan taraf perintis
- Pemberian elaun pelaburan semula
- Bantuan-bantuan dalam bidang teknologi dan teknikal
- Kemudahan pinjaman kredit dan
- Program-program latihan untuk melahirkan usahawan

DEB menerusi serampang dua mata itu telah memberi peluang dan ruang dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Pada dekad ini orang-orang Melayu daripada pelbagai peringkat telah menyahut peluang dan cabaran yang diberikan oleh kerajaan untuk sama-sama membangunkan negara khusus dalam bidang perniagaan dan perdagangan.

*"Pada saat-saat awal DEB dilaksanakan, peniaga dan usahawan Melayu terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan yang telah bersara, yang menjadi pengarah bumiputera di dalam syarikat yang dikuasai bangsa lain. Nama syarikat mungkin nama bumiputera, tetapi milik sebenar syarikat belum tentu di tangan Melayu. Orang Melayu dalam*

*dunia perniagaan pada masa ini memegang jawatan 'PR', ditugaskan semata-mata sebagai pihak perantaraan syarikat dengan kerajaan”*

*“Setelah tiga puluh tahun falsafah DEB dilaksanakan, kini wujudnya keadaan di mana orang Melayu tidak lagi terhad kepad watak-watak yang sedemikian. Melayu di dunia korporat hari ini terdiri daripada pengurus, pengarah kewangan, pengurus pemasaran dan bermacam lagi jawatan yang berwibawa”*

Sejarah penglibatan masyarakat Melayu dalam bidang perdagangan dan perdagangan secara serius bermula sekitar tahun 1980-an (Utusan Malaysia, 7 Ogos 2002). Sehingga kini menurut Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Syed Amin Al-Jefri;

*“ 700,000 usahawan bumiputera yang ada di Malaysia, kita belum mencapai nisbah atau peratus golongan peniaga Melayu yang disasarkan iaitu lima peratus tokoh korporat jutawan, 30 peratus menerajui atau memegang kepentingan atau saham dalam syarikat-syarikat besar, 30 peratus yang berniaga dalam skala sederhana manakala 35 lagi berniaga secara kecil-kecilan”*

Justeru itu masyarakat Melayu mula membina kekuatan dalam dunia perniagaan apabila langkah-langkah membangunkan masyarakat perdagangan Melayu dilaksanakan melalui DEB. Ini tidak bermakna bahawa sebelum pelancaran DEB tiada orang Melayu yang terlibat dalam bidang perniagaan, sebaliknya telah wujudnya segelintir orang Melayu yang mula meneroka bidang baru ini seperti dilakukan oleh Ibrahim Mohamed dan Desa Pachi (Mohd Fauzi Yaacob : 1997). Bagaimanapun jumlah mereka agak kecil jika dibandingkan dengan kemunculan peniaga atau usahawan Melayu selepas DEB terutama dalam dekad-dekad 80an dan 90an.

Mengikut Mohd Fauzi Yaacob (1997), kemunculan dan perkembangan usahawan Melayu selepas merdeka dimungkinkan oleh beberapa faktor antara lain kerana proses penyertaan orang Melayu dalam kehidupan bandar, pertambahan anak-anak Melayu mendapat pendidikan tinggi ekoran pendemokrasian pendidikan, wujudnya perjuangan nasionalisme ekonomi dan melalui pelaksanaan DEB dalam tahun 1971 yang menjadi pemangkin mempercepatkan kemunculan keusahawanan Melayu moden. Di samping itu dasar penswastaaan dan persyarikatan Malaysia juga berperanan ke arah itu. Melalui usaha kerajaan itu ekuiti Melayu dalam pemilikan saham telah meningkat daripada hanya 2% meningkat kepada lebih kurang ke sekitar 19 % menjelang tahun 90an. Mengikut perangkaan Kementerian Pembangunan Usahawan, sehingga tahun 2000, peratusan orang Melayu dalam pelbagai sektor perniagaan adalah seperti berikut : pengangkutan (29%), pembinaan (25.1%), borong dan runcit (18.3%), kewangan (16.8%), perakaunan (15.7%), senibina (12.8%), pertanian (12.2% dan pembuatan (8.9%), kejuruteraan (37%) dan perubatan (31.3%). (Ismail Noor :2000:63-64).

## **8.2 Globalisasi dan Pengantarabangsaan Usahawan Melayu.**

Sesuai dengan arus globalisasi pada alaf baru ini golongan peniaga Melayu moden ini tidak hanya terlibat dengan kegiatan ekonomi domestik sahaja tetapi sebaliknya terlibat juga dengan perdagangan antarabangsa. Keterlibatan mereka dalam ekonomi dunia dilihat sebagai menyahut seruan dan cabaran Perdana Menteri dan pemimpin negara yang menghendaki golongan peniaga Melayu membuat pelaburan di serata dunia. Bagaimanapun keterlibatan mereka tidak semata-mata kerana cabaran Perdana Menteri sebaliknya kerana keyakinan dan kemampuan mereka untuk berbuat demikian selepas menimbangkan segala risiko dan strategi yang sesuai untuk melakukan pelaburan di luar negeri. Banyak syarikat Melayu atau milik Bumiputera telah membuat pelaburan di seberang laut. Di antaranya ialah Renong Berhad, Diversified Resource Bhd dan Land and General Berhad serta Usra Sdn Bhd. (Fauzi Yaacob : 1987). Pelaburan luar negeri Renong ialah di China iaitu terlibat dalam pembinaan lebuh raya sepanjang 149 kilometer di daerah Fujian. Syarikat ini juga membuat pelaburan dalam bidang pendidikan tinggi dan industri minyak dan gas di Uzbekistan. Bagi syarikat Land and General Berhad terlibat dengan industri pembalakan di Papua New Guinea. DRB (Diversified Resource

Berhad) pula terlibat dengan usahasama dengan sebuah syarikat dari Hungary dalam pembinaan bas. Syarikat Usra pula terlibat dengan industri pembinaan rumah, padang golf, perladangan dan projek hidro elektrik di Filipina. Ia juga terlibat dalam pelaburan di Australia, Indonesia dan Vietnam. Terdapat juga beberapa individu Melayu yang terlibat dengan pelaburan di luar negeri seperti di Britain, Australia, Afrika Selatan, Amerika Syarikat dan lain-lain. Sebenarnya ramai usahawan Melayu yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa ini. Untuk perbincangan ini beberapa contoh di atas dirasakan mencukupi sebagai bukti wujudnya peniaga Melayu berjiwa global ini.

### **8.3 Cabaran Budaya Keusahawanan Melayu Kontemporari**

#### **8.3.1 Positif**

Secara umum, kekuatan budaya Melayu merupakan teras kepada membina dan memperkasakan nilai-nilai usahawan Melayu pada zaman kontemporari. Sistem nilai dan etos budaya Melayu telah sedia ada dalam diri orang-orang Melayu. Menurut Asma (1992) dalam Wan Liz (2002) campuran praktis antara nilai-nilai 'budi' ini dengan asas Islam yang kuat, *"offer a palatable recipe for evolving a strong Malaysian work culture which has blend of material and spiritual values*. Ramai pengkaji dan penulis seperti Asma (1992), H.M Dahlan (1994), Mohd. Yusof (1990), Mohd. Amin (1990), Mohd. Sahar (1990) dan Mohd. Fitri(1995) berpendapat nilai-nilai tradisi bangsa Melayu dapat dimanfaatkan dalam pelbagai aspek kehidupan khususnya dalam konteks ini adalah keusahawanan. Antara lain mereka menjelaskan nilai-nilai tradisi yang dapat dijadikan jatidiri usahawan Melayu adalah seperti;

- i. Bersopan santun**
- ii. Bertoleransi**
- iii. Keinsanan**
- iv. Pemaaf**
- v. Komunikasi berlapis**
- vi. Lemah lembut**

- vii. **Berbudi bahasa**
- viii. **Penyabar**
- ix. **Menjaga air muka orang lain**
- x. **Berakhlak mulia**
- xi. **Menjaga kehormatan dan maruah diri**
- xii. **Memiliki keazaman yang kuat**
- xiii. **Ketelitian bekerja**
- xiv. **Menepati janji dan sebagainya.**

Di samping itu tradisi Melayu juga menyediakan falsafah hidup yang berguna bagi menjadi seorang usahawan berjaya. Falsafah ini terkandung dalam peribahasa Melayu, seperti antaranya :

Bagai lebah menghimpun madu

(Ertinya : Orang yang membuat kerja dengan tekun sekali)

Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan

(ertinya : Melakukan sesuatu pekerjaan biarlah sampai selesai)

Pegang bara api biar sampai jadi abu

(ertinya : Bekerja dengan bersungguh-sungguh hingga selesai)

Pipit pekak makan berhujan

(ertinya : Orang yang sangat rajin)

Sabar penghilang penat, tekun pembawa dekat

(ertinya : Orang yang sabar akan berhasil usahanya)

Ikhtiar menjalani, untung menyudahi

(ertinya : kejayaan kepada yang berusaha)(Wan Rafaei Abdul Rahman : 1993)

Hasil daripada pegangan dan keyakinan ini memperlihatkan beberapa ciri positif yang lahir dalam diri golongan peniaga dan usahawan Melayu seperti;

- Berdaya saing
- Kreatif dan inovatif
- Berani gagal dan mengambil risiko

### 8.3.2 Negatif

Sementelahan itu, masih banyak kelemahan yang terdapat dalam nilai dan budaya keusahawanan Melayu zaman kontemporari ini. Hal ini disebabkan oleh banyak factor seperti terhakisnya nilai agama, etika dan moral di kalangan peniaga dan usahawan Melayu. Ia ditambah pula dengan persaingan dan perasaan ingin cepat menjadi kaya. Secara tidak langsung, ia telah memberi impak yang amat mendalam di kalangan peniaga dan usahawan Melayu. Menurut Datuk Shamsuddin Abu Hassan (Pengerusi Eksekutif Terachi Corp. Sdn. Bhd.) "*Melayu banyak berkhayal dan mencari jalan mudah untuk berjaya*"

- **Budaya Ali baba** (Haflah Piei)
- **Mentaliti subsidi** (Abdullah Badawi)

*"Budaya subsidi dan terlalu bergantung kepada kerajaan perlu dikikis daripada minda setiap usahawan Melayu jika mereka mahu menjadi usahawan yang berjaya di alaf baru ini"* (Utusan Malaysia, 27 Januari 2001)

- **Mentaliti komisen**

*"Usahawan Melayu perlu menjadi pengusaha tulen. Ertinya berniaga dengan tenaga, kudrat, kebolehan, kemampuan dan kesungguhan sendiri"*  
*. Tambahnya lagi, Jangan menjadi peniaga besar-besaran tetapi hanya memakan komisen semata-mata. Bukanlah saya kata memakan komisen*

*sebagai tidak baik. Kalau hendak buat, buatlah. Kita tidak halang."*  
(Abdullah Badawi, Utusan Melayu, 28 Jun 2002)

- **Konsep payung dan politik perniagaan (Salleh Buang)**  
*"Malangnya, masih ramai lagi ahli masyarakat perniagaan Melayu kita yang terus bergantung kepada political patronage atau political connection"* (Salleh Buang)
- **Lupa diri** (Mahathir Mohammed)
- **Mentaliti cukup makan; cukup hidup** (Abdul Rahman Maidin)
- **Malas** (terdapat 20% usahawan Melayu yang malas) (Syed Amin al-Jefri)
- **Bermewah-mewah**
- **Rendah diri**
- **Tidak yakin diri**
- **Sikap iri hati serta tidak suka berkongsi pengalaman**
- **Tidak suka berdikari**
- **Mudah terpengaruh**
- **Tidak sanggup bersusah payah**
- **Suka menunjuk-nunjuk dan berbelanja wang**
- **Motivasi yang lemah**
- **Kurang mementingkan ilmu perniagaan**

Namun begitu, perlu diingatkan bahawa nilai negatif di atas bukanlah mencerminkan sikap keseluruhan kaum atau golongan usahawan Melayu dan tidak juga boleh dianggap sebagai ciri-ciri keperibadian semula jadi milik bangsa Melayu. Nilai-nilai yang seumpama ini juga terdapat dalam masyarakat yang lain, Cuma menurut pemerhatian kita nilai-nilai negatif ini agak mudah dilihat dan bersarang dalam masyarakat Melayu.

#### 8.4 Kelemahan dan Cabaran Usahawan Melayu

Dari sudut asal-usul, hampir kesemua orang Melayu bukanlah dilahirkan dalam kehidupan keusahawanan. Maksudnya kita tidak dilahirkan dalam lingkungan keluarga dari kalangan usahawan. Kebanyakan orang Melayu lahir dalam keluarga petani, pekerja kampung, pekerja kerajaan, sebagai tentera dan polis, guru dan pegawai kerajaan. Kalau di swasta sebagai orang makan gaji. Ini bukan perkara baru tetapi perkara lama. Di zaman penjajah selama beratus-ratus tahun pun begitu. Jadi apabila orang Melayu menjadi usahawan, ia ibarat menukar tradisi hidup daripada bertuan kepada menjadi tuan. Konsep bekerja untuk tuan punya syarikat dan bekerja untuk syarikat sendiri merupakan konsep yang disalahertikan oleh golongan yang bakal menjadi perintis usahawan Melayu ini. Jadi sebenarnya selepas 43 tahun merdeka, kita baru dapat menyaksikan golongan perintis usahawan Melayu muncul di tanah air mereka sendiri. Golongan yang baru hendak mencuba budaya keusahawanan iaitu pola budaya yang bukan menjadi darah daging mereka. Ketika orang Melayu mengusahakan tanah mereka sendiri sebagai petani, mereka tidak pernah menganggap bahawa tanah itu sebagai salah satu modal syarikat kerana mereka tidak pernah menubuhkan syarikat. Mereka tidak tahu apa itu syarikat. Jadi usaha mengerjakan tanah sendiri adalah semata-mata mencari rezeki keperluan hidup yang asas iaitu untuk makan (Ahmad Kamil Mohamed)

Antara punca kegagalan usahawan Melayu dalam perniagaan adalah disebabkan beberapa faktor seperti (Wan Liz dan Sulzari, 2002);

- Jaringan kerja lemah
- Kekurangan modal dan pembiayaan
- Sukar meneroka pasaran baru
- Kekurangan kepakaran untuk menjalankan R&D
- Tahap teknologi yang rendah
- Hutang yang tinggi
- Tahap ketrampilan usahawan yang lemah
- Alat pengurusan seperti carta organisasi, huraian tugas dan rancangan perniagaan jarang digunakan.



- Usahawan tidak memiliki kemahiran dan kurang latihan
- Rakan kongsi membawa masalah
- Kualiti produk dan perkhidmatan yang tidak berdaya saing
- Lokasi perniagaan yang tidak sesuai.
- Loparan kewangan yang tidak diurus dengan berkesan
- Kurang memahami peraturan dan undang-undang perniagaan
- Kurang cekal dan imej diri yang rendah

Usahawan kelahiran Dasar Ekonomi Baru (DEB) juga kurang terdedah kepada alam perniagaan dan korporat yang menjurus kepada ketidakcekapan dalam menguruskan perniagaan. Selain itu, *“kekurangan modal serta dan ketiadaan persediaan yang cukup sebelum menceburi dunia perniagaan telah menyebabkan usahawan Melayu terpaksa menghadapi rintangan yang perit,”* menurut Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Syed Amin Al-Jefri

*“Di samping ketiadaan budaya, kemahiran dan pengalaman yang canggih, jaringan infrastruktur pengedaran dan peruncitan yang begitu kukuh di tangan yang bukan Melayu menyebabkan kedaiifan atau tiada langsung penglibatan orang Melayu dalam bidang ini - sejak negara mencapai kemerdekaan sehinggalah kini”* (Abdullah Badawi, 24 Jun 2000)

Di samping itu terdapat di kalangan peniaga Melayu ini yang terlibat dalam bidang perniagaan kerana ‘terpaksa’ apabila ketiadaan pekerjaan lain bagi menampung hidup. Keadaan ini melahirkan usahawan ‘*mi segera*’ yang tidak mempunyai asas-asas berniaga. Kebanyakan mereka juga tercicir dari alam persekolahan termasuk tidak lulus peperiksaan LCE, MCE atau universiti. Tetapi, disebabkan tidak nampak peluang pekerjaan lain yang ingin dilakukan, mereka akhirnya menceburi dunia perniagaan (Abdul Murad, 2001). Hasilnya melahirkan segelintir usahawan Melayu yang tidak terlatih, tidak berpendidikan tinggi, tidak berpengalaman yang akhirnya menghantar mereka kepada pelbagai kegetiran hidup sebagai usahawan.

## 8.5 Globalisasi dan Masa Depan Usahawan Melayu

Menurut Dr. Mohd. Haflah Piei (Tim. Pengarah MIER), cabaran paling penting pada abad ke-21 ini kepada usahawan Melayu ialah bagaimana untuk mengurus ilmu dan teknologi. Ilmu dan teknologi dilihat sebagai elemen terpenting bagi usahawan Melayu untuk bersaing dalam dunia global. Hal ini kerana syarat persaingan tidak mengenal bangsa dan agama. Oleh yang demikian, persediaan, perancangan dan pelan tindakan harus benar-benar mengarah kepada dua elemen penting ini selain membina citra dan perwatakan usahawan seperti yang telah diperjelaskan sebelum ini.

Dewan Usahawan Muda Bumiputera Malaysia (DUMBM) mendakwa lebih 70 peratus usahawan kecil bumiputera dijangka gulung tikar kerana tidak mampu bersaing apabila Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dilaksanakan sepenuhnya (kecuali sektor automobil) pada 2003.

*"Dalam mengharungi situasi ekonomi negara, masyarakat peniaga dan pengusaha Melayu hendaklah menggiatkan lagi aktiviti mereka supaya kedudukan ekonomi kita benar-benar mantap dan stabil"* Mahathir Mohamed, Utusan Malaysia, 29 Jun 2002)

Kemahiran dan jaringan perniagaan masyarakat Melayu perlu dibina dengan sistematik, rapi dan cukup berdisiplin. Untuk itu ia memerlukan satu polisi yang bersifat jangka panjang lagi menyeluruh bagi membina sikap, kemahiran, nilai dan kualiti usahawan Melayu yang cukup mantap. Peniaga-peniaga Melayu tidak boleh terus dimanjakan. Adalah amat dikesali sesudah sedemikian lama pelbagai peruntukan dan bantuan dihulur, masyarakat Melayu terus kecundang dalam perniagaan. Harus ada suatu penelitian terhadap kegagalan ini. Adakah ia disebabkan oleh sistem yang digunakan atau adakah ia berkait dengan sifat dan budaya niaga yang negatif di kalangan orang-orang Melayu. Sudah sampai masanya pembinaan usahawan Melayu benar-benar berdasarkan kebolehan, kesungguhan, minat dan disiplin. Usahawan Melayu yang hanya mengutamakan gaya dengan cara hidup bermewah-mewah serta terbawa-bawa dengan hidup boros hendaklah dikikis. Hanya dengan disiplin yang tinggi dalam pengurusan

serta budaya hidup berbelanja yang cukup berhemat, usahawan Melayu berkualiti dapat dilahirkan. (Mohd. Azmi, Utusan Malaysia, Mei 2002)

*"Kini kita berhadapan dengan globalisasi yang baru dari segi bentuk mahupun isinya. Globalisasi muncul bersama suatu lagi proses berpengaruh - iaitu, liberalisasi - sehingga ramai terpaksa menerima bahawa dunia tidak akan lagi bersempadan dan pasaran tidak akan lagi berbatas. Kedua-dua proses mengakibatkan pasaran dunia terbuka luas dan syarikat-syarikat tempatan terpaksa bersaing dengan syarikat-syarikat gergasi antarabangsa. Keadaan ini membangkitkan satu lagi cabaran bagi peniaga dan usahawan Melayu"*

*"Jika kita tidak mampu meraih kejayaan di muka bumi sendiri, apatah lagi bila kita terpaksa bergelut di arena antarabangsa. Survival bangsa Melayu akan ditentukan oleh sama ada cabaran ini dapat kita atasi ataupun sebaliknya. Selama tiga puluh tahun bangsa kita telah bergantung kepada kerajaan untuk membela nasib dan menjamin kejayaan kita. Ini tidak boleh dikekalkan. Jika bangsa Melayu tidak memperkasakan diri bagi membela nasib sendiri, bangsa kita tak mungkin maju ke tahap yang boleh dibanggakan"*

Antara ciri-ciri yang menentukan kemampuan seseorang usahawan adalah keilmuan, kemahiran, minat, sumber kewangan, tenaga, teknologi dan peralatan.

## **9.0 Kesimpulan**

Setelah melihat pencapaian masyarakat Melayu melalui dua zaman yang berbeza tersurat dan tersirat keupayaannya untuk menjadi seorang usahaawan yang berjaya. Selama beberapa ratus tahun mereka telah menjadi pedagang yang telah meneroka hingga ke negeri-negeri yang jauh sejauh China, Arab, Afrika di samping usaha perdagangan di alam Melayu ini sendiri. Kejayaan pedagang-pedagang Melayu ini dibuktikan dengan hadirnya beratus-ratus pelabuhan di alam Melayu, catatan-catatan China, Arab, India dan

barat serta catatan masyarakat Melayu sendiri sama ada terpahat pada kesusasteraannya atau pada batu bersurat yang ditemui.

Lantaran itu budaya keusahawanan dan niaga ini telah mengakar dalam alam budaya Melayu tradisi hingga ketika itu berjaya melahirkan satu wilayah perdagangan yang amat kaya hinggakan kekayaan dan kemasyhuran itulah yang kemudiannya menarik ramai pedagang asing ke alam Melayu untuk berdagang. Di antara para pedagang asing itu termasuklah pedagang dari eropah yang kemudiannya dengan bantuan bala tentera mereka merampas dan menakluki alam Melayu ini untuk menguasai perdagangan rempah yang sangat tinggi permintaannya di eropah ketika itu.

Akibat dari kegagalan masyarakat Melayu menghalang pencerobohan dan penjajahan ini, mereka telah kehilangan kekayaan dan kebebasan untuk beberapa ratus tahun. Kegagalan mempertahankan kemerdekaan yang dikecapi selama ini menyebabkan mereka tidak hanya kehilangan kuasa memerintah, bahkan kehilangan kuasa ekonomi apabila pihak penjajah barat ini memonopoli perdagangan di alam Melayu. Golongan pedagang Melayu yang jumlahnya ribuan orang itu akhirnya pupus perlahan-lahan kerana tidak mampu menyaingi kuasa barat dan berpindah ke sektor pertanian dan perikanan sahaja. Selama beberapa ratus tahun kemudiannya terlalu kecil bilangannya orang Melayu yang berdagang.

Kesinambungan budaya keusahawanan ini tetap ada penerusnya, bagaimanapun ia hanya melibatkan segelintir kecil orang Melayu di kala itu. Kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos 1957, telah benar-benar mengubah senario di atas apabila kerajaan mula membangunkan negara ini dengan tidak mengenenpikan pembangunan usahawan Melayu dan Bumiputera. Peristiwa 13 Mei 1969 kemudiannya mempercepatkan lagi usaha membina usahawan Melayu yang berjaya dengan matlamat melahirkan satu kelas perdagangan dan perindustrian di kalangan Bumiputera pada 1990. walaupun terdapat pelbagai kritikan kepada peratusan pencapaian sebenar pada tahun yang dimatlamatkan, namun secara statistiknya jelas berlakunya perubahan yang agak besar kepada kemunculan kelas pedagang Melayu ini. Matlamat melahirkan lebih ramai kelas

pedagang atau usahawan Melayu ini diteruskan walaupun DEB telah tamat iaitu melalui Dasar Pembangunan Nasional.

Tidaklah mustahil melalui usaha pemerkasaan budaya keusahawanan Melayu yang bersungguh-sungguh hari ini, akan lahirnya satu budaya keusahawanan yang meluas dikalangan orang Melayu tentunya dengan tekad dan keyakinan serta usaha yang tidak mengenal penat dan lelah serta keinginan untuk terus berjaya.

### **Bibliografi**

A.Samad Ahmad (Peny.), 1979, *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Ahmad Atory Hussain. 1998. *Dari Berantakan Menuju Pembangunan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, 1983, *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: MacMillan

Coedes,G. 1966, *The Making of Southeast Asia*, London: Routlege & Kegan Paul

D.G.E. Hall, *a History of South-East Asia*, London : MacMillan

Ismail Noor dan Muhammad Azaham. 2000. *Takkan Melayu Hilang Di Dunia*. Kelana Jaya : Pelanduk.

Jamal Ali. 2003. *Ekonomi Malaysia: Satu Analisis Dasar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman. 2002. *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Spektra Sdn. Bhd.

Kernal Singh Sandhu and Paul Wheatley (eds.), 1983, *Melaka: The Transformation of a Malay Capital c.1400-1980*, Kuala Lumpur: Oxford University Press

Legge, J.D., 1964, *Indonesia*, New Jersey: Prentice-Hall, Inc Englewood Clifs

Mohd Fauzi Yaacob, 1997, *Keusahawanan Melayu Dalam Dekad 90'an : Perkembangan Dan Isu*, dalam Norazit Selat, Dato' Hashim Awang dan Nor Hisham (eds), 1997. *Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Moden*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Mohd Koharuddin b. Mohd Balwi, 1999, '*Pemikiran Politik Melayu Tradisi : Satu Kajian Berdasarkan Cerita Penglipurlara Melayu*', *Tesis MA*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Muhd. Yusof bin Ibrahim, '*Masyarakat Melaka dan Kegiatan Perdagangan*', dalam Zainal Abidin bin Abdul Wahid dan lain-lain, 1992, *Malaysia Warisan dan Perkembangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Marr and Milner (eds.), *Southeast Asia in The 9<sup>th</sup> to 14<sup>th</sup> Centuries*, Australia : Institute of Southeast Asian Studies, Singapore and Research School of Pasific Studies Australian National University

Nor Aishah Buang. 2002. *Asas Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Nik Hassan Shuhami bin Nik Abdul Rahman, 1992, '*Zaman Protosejarah Malaysia*' dalam Zainal Abidin bin Abdul Wahid, Khoo Kay Kim, Muhd Yusof bin Ibrahim, Nik

Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman dan Mohd Amin bin Hassan, 1992, *Malaysia Warisan dan Perkembangan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pierre-Yves Manguin, “*Dunia Perkapalan Melayu dalam Perdagangan Pra Eropah : Penyelidikan Terbaru, Prospek Baru*” dalam Ismail Hussein (peny.), 1993, *Tamadun Melayu* Jilid Satu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

P.B. Lafont, “*Hubungan Kelautan dan Perdagangan antara Indochina dengan Semenanjung Tanah Melayu (Abad ke-15 hingga ke-17)*” dalam Ismail Hussein (peny.), 1995, *Tamadun Melayu* Jilid tiga, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur

Pawangn Ana Raja Haji Yahya, 1984, *Hikayat Malim Deman*. Petaling Jaya: Fajar Bakti

Tambiah, Stanley Jeyaraja, 1985, *Culture, Thought, Social Action : an Anthropological Perspective*, Cambridge: Harvard university Press

Shahari Talib and Mohammad Raduan Mohd Ariff, 1997, ‘*Economic Life: From Ruling the Waves to Toiling the Land*’ dalam Taib Osman (peny.), 1997, *Islamic Civilization in The Malay World*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Sinnappah Arasaratnam, 1972, ‘*Pre-Modern Commerce and Society in Southern Asia*’, *Inaugural Lecture*, Kuala Lumpur: University of Malaya

Siti Hawa Saleh (Peny.) 1970, *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur : University of Malaya Press

Senu Abdul Rahman (eds.). 2002. *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PE  
IS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVER

Wolter, O.W, 1990, *Kejatuhan Srivijaya dalam Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Wolter, O.W, 1982, *History, Culture and Religion in Southeast Asian Perspectives*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies

Wan Hashim Wan Teh, 1986, *Masyarakat Pribumi Sudah Wujud Di Malaysia sejak Ribuan Tahun Yang Lalu*, IBKKM, UKM, Bangi, Selangor

Wan Hashim Wan Teh, 1997, *Tamadun Silam dan Pembinaan Tamadun Abad Ke Dua Puluh Satu*, Bangi: Penerbit UKM

Wan Liz Ozman Wan Omar dan Sulzari Mohamad. 2002. *Memperkasakan Usahawan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Wan Rafaei Abdul Rahman. 1993. *Ciri-ciri Keusahawanan*. Dalam Abdul Halim Othman (ed.). 1993. *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teks ucapan penuh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahun kali ke-35 Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pusat Perdagangan Dunia Putra, pada Sabtu, 24 Jun 2000.

Utusan Malaysia, 27 Januari 2001

Utusan Malaysia, 20 Mei 2002

Utusan Malaysia, 24 Jun 2002

Utusan Malaysia, 29 Jun 2002